

Lelaki cedera dan ugut anak kandung dipenjara setahun

SIBU: Gara-gara mencedera dan mengugut anak kandungnya, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Ya'akub Salleh, 38, terdahulu dijatuhi hukuman penjara enam bulan bagi setiap pertuduhan setelah mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan kepada anaknya dan dituduh di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 326A kanun yang sama.

Sementara bagi pertuduhan kedua di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan, tertuduh didakwa mengugut hendak membunuh anaknya itu.

Ya'akub didakwa melakukan kedua-dua kesalahan itu pada 6 Oktober 2024, kira-kira jam 5.30 petang di sebuah rumah Lorong Sentosa Utara 5A.

Mengikut fakta kes, pengadu yang juga isteri kepada tertuduh dalam laporan memberitahu pada 6 Oktober 2024, kira-kira jam 5.30 petang, tertuduh telah menampar pipi kiri serta menumbuk perut anaknya.

Tertuduh turut menguhunus parang ke arah mangsa serta mengeluarkan kata-kata ugutan.

Pada 7 Oktober 2024, kira-kira jam 3.30 petang, tertuduh telah ditahan oleh pihak polis untuk membantu siasatan.

Siasatan yang dijalankan mendapati tertuduh telah mencederakan mangsa dengan menampar dan menumbuknya.

Selain itu, tertuduh juga telah mengeluarkan kata-kata ugutan terhadap mangsa.

Kejadian telah disaksikan oleh isteri serta anak perempuan tertuduh.